

# Nelayan Pulau Gajah manfaatkan cuaca elok turun ke laut

BH 07/11/23 m/s 19

**Kota Bharu:** Lebih 200 nelayan di Kampung Pulau Gajah, di sini, memanfaatkan keadaan cuaca yang masih elok untuk meneruskan aktiviti menangkap ikan di laut, meskipun musim Monsun Timur Laut (MTL) sepatutnya sudah bermula.

Rata-rata mereka menganggap keadaan itu ganjil memandangkan musim tengkujuh sering bermula pada hujung Oktober, namun sehingga kini keadaan cuaca masih panas seakan kemarau.

Bagi Yusof Omar, 64, kebiasaannya pada awal November penduduk kampung sudah mula menaikkan perahu kolek masing-masing ke darat untuk kerja pembaikan, mengecat semula serta menjahit pukot yang rosak kerana sudah memasuki musim tengkujuh, namun keadaan sebaliknya berlaku.

“Sepatutnya bermula November hingga Mac, semua nelayan sudah tidak turun ke laut kerana ia tempoh musim tengkujuh... namun

sehingga kini kami masih menangkap ikan kerana ia adalah sumber pencarian.

“Perubahan cuaca sekarang agak pelik, namun nelayan masih turun ke laut walaupun berhati-hati kerana adakalanya gelombang besar berlaku di laut,” katanya.

Dalam pada itu, Yusof mengakui hasil tangkapan diperoleh mereka tidaklah seberapa, namun tidaklah sampai pulang dengan tangan kosong.

Seorang lagi nelayan, Zakaria Abdul Rahman, 67, berkata meskipun turun ke laut, hasil diperoleh tidak seberapa menyebabkan me-

reka berdepan kerugian terutama untuk menampung kos diesel.

“Kami mengemudi bot antara 10 hingga 45 kilometer (km) dan purata kos untuk diesel adalah RM20, namun dalam keadaan sekarang, rasanya tidak berbaloi untuk turun kerana bukan sahaja gagal dapat hasil malah berdepan pula kerugian.

“Nasib baik kami terima elaun sara hidup nelayan (ESHN) dari kerajaan sebanyak RM300 sebulan yang mana dapat ia dimanfaatkan sepanjang empat bulan tidak dapat turun ke laut,” katanya.

“Perubahan cuaca sekarang agak pelik, namun nelayan masih turun ke laut walaupun berhati-hati kerana adakalanya gelombang besar berlaku di laut”

*Yusof Omar, Nelayan*

